



Field Trip ke Taman Negara

Umar Kassim (Pensyarah)

Pada 28 Ogos hingga 31 Ogos 2008 telah diadakan ‘field trip’ ke Taman Negara Pahang selaras dengan keperluan modul makmal EAT 101 ‘Basic Ecology’. Lawatan ini bertujuan mendedahkan kepada para pelajar secara langsung kepada suasana alam sekitar semulajadi. Taman Negara Pahang telah dipilih kerana kaya dengan pelbagai flora dan faunanya serta dijangka mampu memenuhi objektif modul makmal tersebut.

Para peserta terdiri daripada 52 orang pelajar tahun satu PPKAS dan turut disertai oleh sembilan orang kakitangan PPKAS yang terdiri daripada 5 orang pensyarah dan 4 orang kakitangan pentadbiran PPKAS.

Tepat jam 8.30 malam 28 Ogos 2008 hari Khamis, dua buah bas UniMAP yang membawa seramai 52 orang para pelajar telah bertolak daripada Kolej Kediaman Wang Ulu. Perjalanan untuk

sampai ke jeti feri di Sungai Ulu Tembeling telah memakan masa kira-kira 16 jam termasuk masa berhenti rehat, solat dan sarapan pagi. Para peserta telah dibawa dengan beberapa buah bot ke perkampungan penginapan. Aktiviti dimulakan dengan bengkel di mana para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diminta untuk menyampaikan maklumat berkaitan logo kumpulan, makna motto kumpulan dan sebagainya. Selepas selesai taklimat para peserta dibawa pula untuk mengikuti ‘Night Walk’. Tujuan aktiviti ini adalah untuk melihat sendiri kehidupan liar flora dan fauna diwaktu malam.

Keesokan harinya, para peserta dibawa dengan beberapa buah bot menjelajahi ‘Gua Telinga’. Pada awal perjalanan para peserta melihat sendiri perkampungan orang asli yang ditemui di sebelah denai laluan ke arah Gua Telinga. Semasa perjalanan ke Gua Telinga yang mengambil masa kira-kira hampir setengah jam para pelajar tidak melepaskan peluang mengambil maklumat dan foto yang berkaitan spesis flora dan fauna yang ditemui sepanjang perjalanan tersebut. Selesai menjelajahi gua tersebut, para peserta dibawa dengan bot ke jambatan gantung yang merupakan antara yang tertinggi dan terpanjang di dunia iaitu kira-kira 400 meter panjang, 25 meter tinggi. Pada sebelah petangnya, semua peserta dibawa dengan beberapa buah bot bagi aktiviti ‘rapid shooting’. Acara pertandingan persembahan secara berkumpulan dikalangan para pelajar dengan tema ekologi telah diadakan pada sebelah malamnya. Persembahan malam tersebut agak istimewa kerana ia bersamaan dengan sambutan ambang merdeka tanah air dan disambut pula di dalam hutan Taman Negara Pahang.

Pada 31 Ogos, kira-kirajam 10.30 pagi bas UniMAP meninggalkan jeti sungai tembeling dan selamat tiba di Kolej Kediaman Wang Ulu pada jam 11.00 malam.

